

Penuhi permintaan pelbagai pihak bantu pemulihan

Sukuk Prihatin RM500j dilancar

Oleh **AZMAN IBRAHIM**

azman.ibrahim@mediamula.com.my

PUTRAJAYA: Kerajaan melancarkan Sukuk Prihatin patuh syariah berjumlah RM500 juta yang akan memberi manfaat kepada segenap lapisan rakyat dan sektor korporat.

Kemudahan melanggan sukuk berkenaan pula ditawarkan oleh sektor perbankan negara.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata, sukuk itu merupakan satu daripada inisiatif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) yang dilancarkan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 5 Jun lalu.

Katanya, dalam strategi 6R kerajaan yang merangkumi enam pendekatan iaitu *resolve* (tekad); *resilience* (ketahanan); *restart* (mula semula); *recovery* (pemulihan); *revitalise* (hidup semula) dan *reform* (pembaharuan), hasil penerbitan sukuk itu akan digunakan untuk langkah pemulihan iaitu pendekatan yang keempat.

"Sukuk ini diharapkan dapat membantu usaha menjamin kesejahteraan hidup pihak berkepentingan yang disasarkan.

"Terbitan sukuk patuh syariah ini adalah hasil permintaan daripada pelbagai pihak untuk turut sama membantu dalam usaha pemulihan negara kita yang tercinta," katanya berucap pada Majlis Pelancaran Sukuk Prihatin di Istana Melawati di sini semalam.

Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-



AL-SULTAN ABDULLAH RI' AYATUDDIN merasmikan pelancaran Sukuk Prihatin di Putrajaya, semalam. Turut mengiringi baginda, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz (kanan).

Mustafa Billah Shah berkenaan melancarkan sukuk berkenaan.

Tambah Tengku Zafrul, ia adalah penerbitan sukuk pertama oleh kerajaan yang boleh dilindungi atau dibeli 100 peratus melalui perkhidmatan perbankan digital, menggunakan kemudahan *JomPAY* dan *DuitNow*.

Beliau memberitahu, jumlah minimum bagi pelaburan per-

tama ialah RM500 dan kadar keuntungan adalah dua peratus setahun, selama dua tahun.

"Ini merupakan satu kadar yang kompetitif memandangkan ia ditetapkan selama dua tahun. Keuntungan akan dikreditkan ke dalam akaun pelabur setiap suku tahun.

"Dalam masa dua tahun, pelabur boleh memilih untuk

menderma jumlah langganan kepada Kumpulan Wang Covid-19 dan jumlah ini akan diberi potongan cukai.

"Insya-Allah, dengan penerbitan sukuk ini dan juga sokongan rakyat yang berjiwa patriotik dan bersemangat nasionalisme, Malaysia akan segera pulih dan kemakmuran akan terus dikecapi bersama," ujarnya.

INFO

SUKUK PRIHATIN

- » Terbuka kepada warganegara berusia 18 tahun ke atas.
- » Instrumen patuh syariah berlandaskan konsep Tawarruq.
- » Boleh dilanggan melalui JomPAY, DuitNow platform perbankan digital 27 bank.
- » Pelaburan minimum RM500.
- » Tiada had maksimum pelaburan.
- » Tempoh tawaran dari 18 Ogos hingga 27 September 2020.
- » Kadar pulangan dua peratus setahun.
- » Keuntungan dibayar setiap suku tahun, dikecualikan cukai.
- » Pemegang sukuk diberi pilihan menyumbang pembayaran balik modal selepas dua tahun, sumbangan diberi potongan cukai.
- » Hasil terbitan sukuk boleh disalurkan kepada Kumpulan Wang Covid-19.
- » Untuk pelaksanaan inisiatif pemulihan ekonomi.
- » Meningkatkan perhubungan sekolah luar bandar.
- » Menampung perbelanjaan kesihatan.
- » Membiayai PKS Mikro, terutama usahawan wanita.